

Bekas ADUN Gombak meninggal dunia sakit tua

KUALA LUMPUR 18 Nov. - Bekas Ahli Dewan Undangan Negeri Gombak, Datuk Zakaria Yahya (**gambar**) yang turut dikenali sebagai *The Giant Killer* di kalangan ahli politik kembali ke rahmatullah di kediamannya di Jalan 1/13, Taman Amaniah, Batu Caves di sini malam ini akibat sakit tua.

Allahyarham, 79, yang berasal dari Kampung Selayang Lama meninggal dunia pada pukul 7.15 malam di sisi semua anggota keluarganya.

Allahyarham meninggalkan isteri, Datin Fatimah Ahmad, 73, dan 10 orang anak iaitu tujuh lelaki dan tiga perempuan serta 34 cucu.

Anak Sulung Allahyarham, Md. Noor, 50, ketika ditemui memberitahu, jenazah Allahyarham Zakaria akan dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Kampung Selayang Lama di sini sebelum zuhur,

"Ayah adalah seorang yang berdisiplin tinggi dan tegas dalam apa jua perkara termasuk mendidik anak-anak.

"Beliau cukup dikenali selepas *The Giant Killer* selepas



menewaskan ketua pembangkang (Tan Sri Dr. Tan Chee Khoo) dalam pilihan raya pada tahun 1974," katanya di sini malam ini.

Md. Noor berkata, arwah pernah menyanggah jawatan Ketua UMNO Bahagian Selayang, Penolong Setiausaha Pemuda UMNO pada tahun 1974. Setiausaha Perhubungan UMNO Selangor dan Ahli Dewan Negara selama dua penggal bermula pada tahun 1983.